



**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:**

## **IKLAN BILANGAN 1/2023 JAKIM**

### **PENERBIT RANCANGAN GRED B41 [KONTRAK JAKIM]**

Taraf Jawatan	:	<b>Kontrak (Contract of Service)</b>
Bayaran Gaji	:	RM2,095.00 Minima RM9,587.00 Maksimum
Penempatan	:	Wilayah Persekutuan Putrajaya (1 kekosongan)

### **DESKRIPSI TUGAS**

1. Bertanggungjawab menerbitkan promo dan pengumuman perkhidmatan awam (PSA) program TV dan Radio;
2. Menghadiri mesyuarat mesyuarat penerbitan dan teknikal bagi program TV dan radio;
3. Merangka *treatment*, skrip dan bajet bagi penerbitan sesebuah promo dan PSA;
4. Membentangkan cadangan *treatment*, skrip dan bajet promo khas dalam mesyuarat penerbitan;
5. Memastikan promo yang dihasilkan menepati tarikh siaran, kandungan dan penilaian teknikal sebelum diingest;
6. Menyelaras tugas kepada editor dan pereka grafik berdasarkan keperluan promo;
7. Bertanggungjawab mengendalikan pengarahan rakaman video, suara latar dan muzik latar, serta kerja-kerja suntingan awal dan akhir *footage* rakaman;
8. Mendapatkan maklumat terperinci bagi penghasilan sesebuah promo seperti konsep, tajuk, tarikh siaran dan sebagainya;
9. Menyediakan skrip dan bakat (*talent*) untuk suara latar;
10. Menyelaras penerbitan *showreel*/khas keperluan sidang media/acara pelancaran program dan pelbagai versi promo rancangan;
11. Menyelaras permohonan penerbitan promo;
12. Memastikan bahan promosi disiapkan untuk tujuan preview dengan pihak pengurusan; dan
13. Menerbitkan siaran langsung (*live streaming*) sesuatu program.

### **SYARAT PERMOHONAN**

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. Berkelulusan:
  - i. mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang penyiaran rancangan radio atau televisyen. **[Gaji Permulaan pada Gred B41: RM2,095.00]**; atau

- ii. ijazah sarjana muda dalam bidang komunikasi massa, multimedia, pengajian media, grafik dan media digital, penyiaran atau perfileman atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **[Gaji Permulaan pada Gred B41: RM2,302.30]; atau**
- iii. Memiliki kepujian sekurang-kurangnya Gred C dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **Keutamaan:**

1. Mempunyai kepakaran dalam menggunakan software antaranya :
  - 1.1 Final Cut Pro / Adobe Premier
  - 1.2 Adobe Photoshop
  - 1.2 Adobe Illustrator
  - 1.3 Adobe After Effect
2. Mempunyai kemahiran dalam software grafik Al-Quran (Quran Word);
3. Boleh menerbitkan promo, kapsul dan showreel;
4. Boleh menerbitkan montaj dan template bagi program-program TV; dan
5. Mahir dengan software Vmix.

#### **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Permohonan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan bagi jawatan yang dimohon yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

#### **CARA MEMOHON**

1. Pemohon-pemohon hendaklah membuat permohonan **secara atas talian** melalui sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9) di alamat dengan melayari Portal Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia di alamat: <http://spa9.spa.gov.my>.
2. **Panduan Pemohon:** Pada **Menu Jawatan Yang Dimohon**, sila pilih **Lantikan Kontrak/ Tetap (Bukan Lantikan SPA)**. Pilih jawatan yang ingin dimohon seperti iklan di atas.
3. Alamat untuk surat-menyurat, alamat e-mel dan nombor telefon pemohon untuk dihubungi hendaklah tepat, terkini dan masih aktif.
4. Hanya permohonan yang dibuat dalam tempoh iklan sahaja akan diproses.
5. Sebarang keterangan lanjut boleh dirujuk kepada:
  - Seksyen Jawatan Kontrak & Pengurusan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, JAKIM  
☎ 03-8870 7684 / 03-8870 7685 / 03-8870 7697

#### **TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

**13 APRIL 2023 (KHAMIS), JAM 11.59 MALAM**